

Headline	Puspakom anjur kempen pemeriksaan percuma		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	25 Jan 2016	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	25,000
Page No	38	Readership	75,000
Language	Malay	ArticleSize	188 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,043
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,129



## Puspakom anjur kempen pemeriksaan percuma

**ALOR SETAR** - Orang ramai wajar memanfaatkan kempen Pemeriksaan Kenderaan Sukarela (VVI) inisiatif Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom) secara percuma yang diadakan sempena Tahun Baru Cina dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Exco Pengangkutan, Datuk Tajul Urus Mat Zain berkata, ini kerana masih ramai yang tidak mengendahkan kepentingan pemeriksaan kenderaan yang dikenal pasti antara punca berlaku kemalangan.

"Inisiatif ini seiring dengan seruan kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang tinggi pada musim perayaan. Menjalankan pemeriksaan kenderaan secara berkala penting dalam memastikan



**Tajul Urus (kanan) mendengar taklimat ringkas pengendalian MIU.**

kenderaan sentiasa dalam keadaan baik, seterusnya mengelak berlakunya kemalangan," katanya selepas merasmikan program keselamatan jalan raya dan pemeriksaan kenderaan persendirian secara percuma mengguna-

kan unit pemeriksaan bergerak (MIU) Puspakom, di pekarangan Stadium Darulaman, baru-baru ini.

Tajul Urus berkata, Malaysia menduduki tempat ke-20 dari 160 buah negara yang merekodkan ka-

dar kemalangan tinggi.

"Walaupun kerajaan tidak menetapkan syarat wajib untuk pemeriksaan kenderaan persendirian, namun kesedaran perlu dipertingkatkan. Saya percaya kempen ini mampu menarik minat orang ramai kerana selepas kempen berakhir, 29 Januari ini, caj akan dikenakan," katanya.

Menurutnya, kenderaan persendirian melebihi 10 tahun disarankan menjalani VVI demi untuk keselamatan pengguna jalan raya.

"Unit Pemeriksaan Bergerak (MIU) dibawa ke Alor Setar, iaitu treler lengkap dengan 10 peringkat pemeriksaan untuk memberi peluang orang ramai dapatkan perkhidmatan, dan Kedah merupakan negeri pertama dikunjungi," katanya.